

Newspaper	Berita Harian
Date	6 June 2015

RM100j disalur tingkat taraf hidup kaum India

BH
-6/6/2015

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, meluluskan dana berjumlah RM100 juta bagi Unit Khas Pembangunan Sosio Ekonomi Masyarakat India (SEDIC) untuk meningkatkan sosioekonomi golongan berpendapatan rendah.

Pengarah SEDIC, Prof Datuk Dr NS Rajendran, berkata unit khas yang ditubuhkan Mei lalu, adalah satu lagi usaha murni kerajaan untuk mewujudkan peluang bagi meningkatkan taraf hidup 40 peratus daripada kira-kira 2.6 juta kaum India.

Beliau berkata, dana itu akan disalurkan melalui badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi latihan kemahiran yang dipilih berdasarkan kri-

teria yang ditetapkan, dan bukannya kepada individu atau mana-mana parti politik.

11 skop cadangan

Katanya, SEDIC mengenal pasti 11 skop cadangan program membabitkan keperluan utama masyarakat India, antaranya isu sekolah Tamil, dokumentasi, kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi, belia berisiko tinggi serta penyertaan kaum India dalam sektor awam.

"SEDIC akan memastikan dana yang disediakan ditadbir dengan efisien, telus dan teratur supaya golongan sasaran yang sangat memerlukan intervensi tidak ketinggalan dan menerima manfaat positif daripada usaha kera-

jaan," katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini, semalam.

Rajendran berkata, lebih 600,000 masyarakat keturunan India di negara ini berada pada tahap paras bawah 40 peratus (B40) dalam 38 daerah di sembilan negeri, berpendapatan kurang daripada RM2,537 sebulan.

Katanya, setiap permohonan yang dibuat oleh NGO dan institusi latihan kemahiran akan melalui tiga peringkat sebelum diluluskan Perdana Menteri dan dana akan dibayai Pejabat Perdana Menteri melalui Kementerian Kewangan.

"NGO dan institusi latihan kemahiran hendaklah mengikut garis panduan yang di-

nyatakan dalam skop cadangan program dan ia boleh dimuat turun melalui laman web SEDIC di <http://www.sedic.my> mulai 9 Jun ini," katanya.

Jangan salah guna wang

Rajendran turut mengingatkan, jawatankuasa SEDIC akan membatalkan perjanjian persefahaman dengan mana-mana NGO atau institusi latihan kemahiran jika menyalahgunakan wang yang disalurkan untuk membantu masyarakat India.

"Jika mereka menggunakan wang itu untuk tujuan lain, SEDIC akan meminta mereka membayar semula wang itu serta kami akan mengambil tindakan terhadap mereka," katanya.

Justeru, beliau berkata SEDIC turut mengadakan jerayawara di empat negeri iaitu Putrajaya pada 10 Jun; Johor Baharu, Johor (11 Jun); Sungai Petani, Kedah (17 Jun) dan Ipoh, Perak (19 Jun).

BERNAMA